

Filipina dirayu agar kekalkan acara silat

- 9 JAN 1990

ABDUL RAHMAN HASSAN

KUALA LUMPUR — Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), telah meminta Majlis Olimpik Malaysia (MOM), supaya campur tangan dalam usaha badan itu melobi untuk memastikan acara silat olahraga di sertakan dalam Sukan SEA di Manila tahun depan.

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan berkata, MOM perlu memainkan peranan penting memasukkan silat dalam sukan itu nanti kerana ia boleh membantu negara dalam pungutan pingat memandangkan jumlah pingat emas yang ditandingkan dalam acara itu adalah besar.

Tuan rumah Filipina sebelum ini dikatakan tidak berminat menyenaraikan acara itu dalam sukan tersebut memandangkan negara itu tidak mempunyai sebuah badan induk silat dan sukan itu sendiri tidak popular di sana.

Rahman berkata, presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, perlu juga memberi perhatian memasukkan acara silat dalam sukan itu selain daripada badminton dan tenis meja.

PENCAK SILAT
Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan yang memetik Tan Sri Hamzah sebagai berkata, beliau akan melobi keras untuk memastikan tenis meja dan badminton tetap ditandingkan dalam sukan dwitahunan itu.

Kata Rahman, Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), juga akan memulakan usaha melobi acara itu dengan menghantar satu rombongan diketuai oleh presidennya, Eddie Marzuki Nalapraya, ke Manila pada hujung bulan ini untuk berbincang dengan Majlis Olimpik Filipina (POC) berhubung perkara itu.

"Silat harus diberi perhati-

an khusus kerana acara itu, jika ditandingkan, akan menyediakan 15 pingat emas dan pasukan negara mampu memenangi beberapa butir emas dari jumlah itu," katanya.

POC setakat ini telah menyenaraikan 15 acara yang akan ditandingkan dalam sukan itu — atletik, memanah, bola keranjang, bilirad, boling, tinju, lumba basikal, golf, gimnastik, taekwondo, bola lisut, renang, tenis, angkat berat dan arnis (seni pertahanan diri Filipina).

Dijangkakan bahawa POC akan menamakan beberapa lagi. Negara itu boleh menyenaraikan sehingga 24 acara.

Sementara itu, harapan juga dilahirkan dari Indonesia agar Filipina menimbang kembali keputusan untuk meniadakan acara silat dalam Sukan SEA tahun depan. — Bernama.